



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

21 Jun 2019

1. Tiga ekor lembu berkeliaran ditangkap, pemilik dikompaun: Kosmo

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input checked="" type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Negara	M/SURAT: <input type="text" value="6"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input checked="" type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
21.6.2019			

Tiga ekor lembu berkeliaran ditangkap, pemilik dikompaun

SERI MANJUNG - Tiga ekor lembu yang berkeliaran ditangkap dalam satu Operasi Tangkapan Lembu Merayau di sekitar pekan Ayer Tawar dekat sini pada Sabtu lalu.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung (MPM), Syamsul Hazeman Md. Salleh berkata, pihaknya telah memberikan tempoh yang wajar kepada semua penternak melalui notis awam dan media sosial sejak 19 Mei lalu mengenai kesalahan membiarkan haiwan ternakan berkeliaran.

"Bagaimanapun, masih terdapat aduan daripada penduduk tempatan mengenai haiwan ternakan yang berkeliaran di kawasan awam.

"Oleh itu, kita telah melakukan operasi dan hasilnya, MPM merampas tiga ekor lembu dalam operasi yang dijalankan di antara Kampung Sungai Wangi hingga ke pekan Ayer Tawar," katanya semalam.

Menurutnya, dua ekor daripada lembu itu sudah dituntut pemiliknya selepas masing-masing membayar kompaun RM3,300, manakala



PENGUAT KUASA MPM menangkap lembu berkeliaran dalam satu operasi di sekitar pekan Ayer Tawar dekat Seri Manjung pada Sabtu lalu.

seekor lagi lembu dilelong kepada orang awam pada harga yang sama.

Katanya, operasi yang dilakukan MPM dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan polis itu bertujuan menangani masalah haiwan ternakan berkeliaran di daerah berkenaan sekali gus membantu menyelesaikan pelbagai

masalah penduduk termasuk kemalangan membabitkan ternakan.

"MPM akan mengadakan operasi tangkapan haiwan merayau ini dari semasa ke semasa dan skop operasi akan diperluaskan kepada haiwan-haiwan lain seperti kambing dan biri-biri," ujarnya.